

29/04/2001

Pusat sentiasa bantu Kelantan

KOTA BHARU: Rakyat negeri Kelantan bertuah kerana Kerajaan Pusat terus menyalurkan pelbagai projek pembangunan untuk faedah rakyat di negeri itu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Hassan Harun, berkata tanpa bantuan Kerajaan Pusat dan Umno, Kelantan ketinggalan dalam segala aspek kerana kerajaan Pas jelas tidak berupaya membawa perubahan dan mengembangkan ekonomi.

Malah, katanya, melihat kelemahan kerajaan Pas yang sudah memasuki penggal ketiga pemerintahan, Hassan berkata, ia menguatkan harapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melihat Umno Kelantan diperkukuhkan supaya pembangunan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

"Rakyat perlu sedar Perdana Menteri amat cakna (ambil berat) terhadap Kelantan. Selepas Umno dan Barisan Nasional (BN) kalah pilihan raya umum 1990, Dr Mahathir sendiri menerajui Umno Kelantan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

"Ini menunjukkan Perdana Menteri nak tengok Umno Kelantan pulih supaya boleh kembali memerintah Kelantan," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Rantau Panjang di Sekolah Kebangsaan Lati, Pasir Mas, dekat sini, semalam.

Hassan berkata Dr Mahathir memberi perhatian khusus kepada Kelantan kerana menyedari rakyat negeri ini berkebolehan luar biasa dalam pelbagai bidang dan boleh memberi sumbangan besar terhadap kemajuan negara.

(END)